

Tiga pihak meterai MoU projek ternak ikan

UM 12 OCT 2001

LANGKAWI 11 Okt. — Langkawi Sea Farms Sdn. Bhd. (LSFSB) hari ini memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Pesara-pesara Angkatan Tentera (PATM) dan Persatuan Pakatan Nelayan Sungai Kilim (PPNK) bagi menjalankan projek vendor penternakan ikan dalam sangkar di laut terbuka (marikultur).

Upacara MoU antara ketiga-tiga pihak dilakukan oleh Pengarah Urusan LSFSB, Tan Sri Halim Mohammad, wakil dari PPNK, Azmi Darus dan Ibrahim Kassim bagi pihak PATM.

Majlis tersebut turut disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak serta Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi di Awana Porto Malai, sempena Lima 2001 di sini hari ini.

Terdahulu dalam temubual dengan Pengarah Urusan LSFB, Halim berkata, kerjasama itu sebagai menyahut seruan kerajaan supaya sektor korporat tampil membantu golongan pesara tentera menceburkan diri dalam bidang keusahawanan baru seperti marikultur.

Beliau yang juga Pengerusi Eksekutif Kumpulan Halim Mazmin, syarikat maritim terkemuka di Malaysia yang merupakan in-

duk kepada LSFSB menjelaskan, program vendor itu merupakan kesempatan terbaik untuk membalas jasa anggota tentera.

“Sebagai permulaan seramai 15 pesara tentera yang telah melalui pemilihan teliti telah terpilih menyertai projek tersebut yang akan dijalankan di Sungai Kilim, Langkawi,” katanya ketika ditemui di pejabat cawangan HMG, Kuah, di sini, kelmarin.

Halim menambah, kumpulan pertama itu akan dipecahkan kepada tiga bahagian yang setiap satunya disertai seramai lima orang.

Syarikat

Mereka, kata beliau, akan menubuhkan syarikat sendirian berhad untuk menjalankan projek marikultur dan setiap individu perlu membawa modal RM10,000.

“Sementara itu, LSFSB akan menyuntik RM50,001 kepada setiap syarikat menjadikan modal berbayar RM100,001 bagi setiap kumpulan untuk menjalankan projek masing-masing,” katanya.

Jelas Halim, jika projek perintis itu berjaya, beliau bercadang melatih 300 peserta pesara tentera serta nelayan termiskin menyertai program tersebut dalam tempoh tiga tahun akan datang.